

30 JAN 2002  
Koh-Pelaburan/I  
KOH BERLEPAS KE AMERIKA SYARIKAT

PULAU PINANG, 30 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berlepas ke Amerika Syarikat dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di sini malam tadi bagi menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) dan Sidang Kemuncak Pelaburan Malaysia (MIS) di New York.

WEF merupakan perhimpunan tahunan penting bagi para pemimpin dunia dalam politik dan perniagaan bagi membincangkan pelbagai isu dan dasar ekonomi utama.

Dr Koh akan hadir terutamanya pada sesi WEF pada 3 Feb apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan bercakap mengenai isu ekonomi, menurut kenyataan kerajaan negeri.

Pada 4 Feb, ianya dikhaskan bagi bengkel sehari WEF mengenai daya saing global dengan Dr Koh akan menjadi anggota panel bagi membincangkan "Strategi dan Daya Saing: Satu Cara Pembelajaran Baru".

MIS yang bermula pada 4 Feb di New York dianjurkan bersama oleh syarikat pelaburan Salomon Smith Barney, Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) Malaysia dan Bursa Saham Kuala Lumpur dengan Dr Mahathir sebagai penceramah utama.

Dr Koh akan memberi taklimat kepada pengurus dana dan eksekutif kanan Amerika Syarikat mengenai keadaan industri ICT dan elektrik Malaysia dan tarikan berterusan negara itu sebagai pusat pelaburan global.

Penceramah lain ialah Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz dan Pengerusi Eksekutif KLSE Dato Mohd Azlan Hashim.

Dr Koh dan pasukan Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang (PDC) juga akan mengambil peluang untuk membincangkan pelaburan di negeri itu, dengan para usahawan akan turut menghadiri WEF dan MIS, menurut kenyataan itu.

Ketua Menteri juga akan melawat Boston dan beliau merancang untuk melawat beberapa syarikat IT, bioteknologi dan Pusat Fotonik Universiti Boston.

Pada 6 Feb, beliau akan menyampaikan ceramah bertajuk "Malaysia: Menguruskan Kepelbagaian dan Perubahan" di Universiti Princeton.

Dr Koh akan berlepas pulang ke Pulau Pinang melalui London dan dijadual tiba di tanah air pada 9 Feb.

-- BERNAMA  
AHM AHM AAM RHM